

92-5010

Detik-detik Bersejarah

# Peristiwa Dalam Kenangan

---

Buku Dua

---

Oleh  
Abdul Halim



PUSTAKA JEBAT  
Y-5, Jalan Terolak 3,  
Batu 4<sup>1</sup>/<sub>4</sub>, Taman Bamboo,  
51200 Kuala Lumpur.

Pustaka Jebat  
Y-5, Jalan Terolak 3,  
Batu 4¼, Taman Bamboo,  
Jalan Ipoh,  
51200 Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama Disember 1987

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada pemilik hakciptanya.

APB718991

M  
953.5  
M

29 APR 1995

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh percetakan Y.H. SDN. BHD. K.L.

## **Prakata**

Buku ' Detik-detik Bersejarah ' ini adalah satu siri buku yang berbentuk sejarah. Buku ini amat sesuai dan perlu dimiliki oleh setiap orang, khususnya kanak-kanak sekolah.

Kebanyakan kandungan buku ini menerangkan dan mengingatkan kembali peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman silam.

Jika para pembaca berminat atau ingin mengetahui peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman silam, buku ini amat baik dijadikan teman anda atau menjadi buku tambahan di dalam perpustakaan anda.



101

11



## **2.4.1946**

### **PENUBUHAN RADIO MALAYA**

**J**abatan Penyiaran yang dikenal dengan RADIO MALAYA telah ditubuhkan pada 2 April 1946, beribu pejabat di Singapura. Dengan tertubuhnya Jabatan ini, maka tamatlah perkhidmatan penyiaran di bawah Pentadbiran Tentera British.

Sejak ditubuhkan, Jabatan ini telah memainkan peranan yang penting kepada rakyat dan negara. Pada masa darurat, iaitu pada tahun 1948 hingga 1951, Radio Malaya menyiarkan Siaran Darurat dalam usaha menentang dakyah dan keganasan komunis. Menjelang merdeka, Radio Malaya mendidik dan membimbing rakyat menghadapi satu penghidupan baru dalam negara yang merdeka dan berdaulat.

Pada tahun 1959, Ibu Pejabat perkhidmatan ini (Radio Malaya) telah dipindahkan dari Singapura ke Rumah Persekutuan, di Kuala Lumpur. Dari Rumah Persekutuan ini, rancangan-rancangan disiarkan dalam empat bahasa, iaitu Melayu oleh Perkhidmatan Melayu, Inggeris (Perkhidmatan Inggeris), Cina (Perkhidmatan Cina), dan Tamil (Perkhidmatan Tamil), yang kemudiannya dikenal sebagai rangkaian-rangkaian Nasional, Biru, Hijau dan Merah.

Apabila Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963, ia bertukar menjadi Radio Malaysia dan siarannya meliputi Sabah (Radio Malaysia Sabah) dan Sarawak (Radio Malaysia Sarawak).

Pada tahun 1963, selepas penubuhan Malaysia, Jabatan Penyiaran memulakan siaran daerahnya untuk memberi perkhidmatan yang lebih meluas kepada orang ramai supaya dapat diterima dan difahami oleh rakyat sepenuhnya. Siaran Daerah yang pertama dimulakan pada 16 November 1963, apabila Stesen Daerah Kota Bharu ditubuhkan. Walau bagaimanapun, Stesen Daerah ini hanya dirasmikan pada 6 November 1964. Kini terdapat 15 stesen daerah di Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

Pada 15 Februari 1963, Radio Malaysia melancarkan Siaran Luar Negeri, iaitu SUARA MALAYA dalam tiga bahasa untuk memperkenalkan imej negara ke luar negeri dari segi politik,

ekonomi dan sosial di samping mempereratkan tali persaudaraan dengan negara-negara jiran. Apabila Malaysia tertubuh, ia bertukar menjadi Suara Malaysia. Hari ini, Suara Malaysia menyiarkan rancangan dalam lapan bahasa iaitu Indonesia, Inggeris, Mandarin, Thai, Arab, Filipina dialek Tagalog, Bahasa Malaysia dan Burma.

Bidang penyiaran telah maju setapak lagi apabila Perkhidmatan TV dimulakan pada 28 Disember 1963. Segala kegiatan dan penerbitan rancangan dijalankan di studio-studio sementara di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Apabila studionya di Kompleks Angkasapuri yang terletak di Bukit Putra siap, TV Malaysia memulakan siaran dari sana pada 6 Oktober 1969 melalui Rangkaian Pertama. Pada bulan November tahun yang sama, Rangkaian Kedua pula dilancarkan dan diikuti oleh Rangkaian Ketiga pada bulan November 1971.

Pada 11 Oktober 1969, Radio Malaysia dan TV Malaysia telah bergabung menjadi satu Jabatan, iaitu JABATAN PENYIARAN MALAYSIA.

Pada 19 April 1972, Rangkaian Nasional Radio Malaysia memulakan siaran 24 jam sehari, manakala masa siaran bagi rangkaian lain juga turut bertambah. Pada 9 Mei 1972, Radio Malaysia telah berpindah ke bangunannya sendiri, iaitu yang dikenal dengan nama Wisma Radio yang dilengkapi



**7.4.1967**

## **PERLETAKAN BATU ASAS HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR**

**U**pacara perletakan batu asas bangunan Hospital Besar Kuala Lumpur telah dilakukan dengan rasminya pada 7 April 1967 oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra. Bangunan hospital ini adalah sebagai menggantikan bangunan-bangunan hospital lama yang sudah berusia lebih 80 tahun.

Hospital yang menelan belanja sebanyak \$49 juta ini dibina dalam lima peringkat. Pembinaan peringkat pertama dijalankan pada tahun 1963, iaitu untuk Rumah Sakit Bersalin yang tingginya lima tingkat dan mengandungi 214 buah katil. Pembinaan peringkat kedua ialah untuk bangunan empat tingkat yang dimulakan pada tahun 1963 dan mengandungi 608 buah katil, pejabat X-ray yang moden dan sebuah asrama jururawat. Pembinaan peringkat ketiga pula dimulakan pada tahun 1968 yang mengandungi gedung ubat, bilik-bilik bedah dan syarahan untuk sekolah latihan jururawat dan sebuah bilik tabung derma darah. Ini diikuti dengan pembinaan peringkat keempat dan kelima pada tahun yang sama.



Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Pembinaan Hospital Besar Kuala Lumpur ini menelan belanja sebanyak \$49 juta – \$21 juta bagi peringkat pertama dan kedua manakala \$28 juta lagi bagi peringkat ketiga, keempat dan kelima.

Hospital ini merupakan hospital yang termoden dan terlengkap di Asia Tenggara dan mempunyai lebih 1,000 buah katil.

## **8.4.1955 PEMBUKAAN RASMI KOLEJ ISLAM MALAYA**

**P**ada 8 April 1955, satu peristiwa bersejarah dalam perkembangan agama Islam telah berlaku apabila DYMM Sultan Selangor membuka Kolej Islam Malaya dengan rasminya. Majlis pembukaan rasmi itu telah dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang daripada seluruh tanahair, termasuklah DYMM Sultan Pahang, DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu, Sir Donald Mac Gillivray dan isteri, serta wakil-wakil Sultan daripada tiap-tiap negeri Melayu termasuk Brunei.

Kolej ini ditempatkan di bangunan istana yang diwakafkan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Shah Al-Haj. Penubuhan Kolej ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada umat Islam di seluruh tanahair. Dalam titah pembukaan, Baginda Sultan Selangor menyeru umat Islam seluruhnya agar turut membantu usaha meninggikan mutu pelajaran kolej ini serta kemajuannya sebagai pusat perkembangan Islamiah.

Kolej ini ditubuhkan dengan tujuan:

1. Untuk mewujudkan sebuah pusat pengajian Islam yang moden;
2. Untuk menyatukan serta menyelaraskan sistem pengajian Aliran Arab di seluruh negara dan meningkatkan lagi mutu pengajiannya;
3. Untuk melahirkan bakal guru-guru agama Islam dan Bahasa Arab yang cekap untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah;
4. Untuk melahirkan suatu masyarakat Islam yang benar-benar mengerti akan ajaran Islam yang sebenar dan bersedia menghadapi segala cabaran dengan akidah Islam yang sejati.

Untuk mencapai tujuan-tujuan itu, Kolej ini akan menitikberatkan pelbagai pengajaran ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang pengajian. Mengikut ucapan Pengetua Kolej, Tuan Haji Ismail Omar Abd. Aziz, bidang-bidang pengajian akan meliputi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosiologi, psikologi, sains, teknologi, falsafah, bahasa Arab dan perundangan Islam. Menurutnya, Kolej ini kelak diharapkan dapat melahirkan golongan yang berpendidikan agama Islam yang bersedia menghadapi segala bentuk cabaran hidup sesuai dengan peredaran masa.

## 15.4.1885 YAP AH LOY MENINGGAL DUNIA

**K**apitan Cina Kuala Lumpur yang ketiga, iaitu Yap Ah Loy telah meninggal dunia pada 15 April 1885. Beliau dilahirkan di Kampung T'am Shai, Kwang Lung pada tahun 1837.

Seperti pemuda-pemuda Cina yang lain, Yap Ah Loy datang ke Tanah Melayu untuk mencari penghidupan baru. Beliau tiba di Melaka pada tahun 1854 ketika berusia tujuh belas tahun. Beliau menceburkan diri dalam berbagai-bagai lapangan kegiatan sebelum dilantik menjadi Kapitan Cina di Sungai Ujung.

Setelah dilantik menjadi Kapitan Cina Sungai Ujung, beliau bersahabat pula dengan Kapitan Cina Kuala Lumpur, iaitu Liu Ngim Kong. Pada tahun 1862, beliau berpindah ke Kuala Lumpur untuk menjadi pengurus lombong kepunyaan Kapitan Liu Ngim Kong. Pada bulan September 1868, beliau dipilih menjadi Kapitan Cina Kuala Lumpur yang ketiga, menggantikan Kapitan Liu Ngim Kong. (Walupun beliau tidak disukai sebagai pengganti Liu Ngim Kong tetapi dengan sokongan Sutan Puasa yang amat berpengaruh di Kuala Lumpur ketika itu, beliau telah berjaya menguasai keadaan.

## **18.4.1959**

# **KEJOHANAN BOLASEPAK BELIA ASIA PERTAMA**

**K**ejohanan Bolasepak Belia Asia yang pertama telah diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Kejohanan yang bersejarah ini dirasmikan pembukaannya oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Mohamad pada 18 April 1959.

Kejohanan yang berlangsung selama 9 hari berturut-turut bermula daripada 18 April hingga 26 April 1959 itu telah disertai oleh belia-belia di bawah umur 20 tahun. Sebanyak sembilan buah negara telah mengambil bahagian, iaitu:

1. Burma;
2. Ceylon;
3. Filipina;
4. Hong Kong;
5. Jepun;
6. Korea Selatan;
7. Persekutuan Tanah Melayu;
8. Singapura; dan
9. Thailand.



Permainan Bola Sepak.

Kejohanan yang diadakan pada tiap-tiap tahun ini adalah untuk merebut Tropi YTM Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Tanah Melayu selaku yang Dipertua Gabungan Bolasepak Asia dan Persatuan Bolasepak Tanah Melayu.

Tujuan utama kejohanan ini adalah untuk memupuk minat serta meninggikan mutu sukan bolasepak di kalangan pemuda-pemuda Asia, di samping untuk merapatkan dan menjalinkan perasaan muhibbah dan persahabatan di antara pemuda-pemuda Asia.

**24.4.1920**

## **PERLETAKAN BATU ASAS TAMBAK JOHOR**

**D**uli Yang Maha Mulia Sultan Sir Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar telah berkenan meletakkan batu asas Tambak Johor. Upacara ini turut dihadiri oleh Sir Lawrence Guillemard, sebagai wakil kerajaan Negeri-negeri Selat. Batu asas ini telah diletakkan di bahagian tengah Selat Teberau antara Tanjung Puteri dengan Woodlands, Singapura. Peristiwa bersejarah ini berlaku pada 24 April 1920.

Sebelum rancangan pembinaan Tambak Johor ini dijalankan, beberapa skim telah dikemukakan untuk membina sebuah jambatan bagi menghubungkan Negeri Johor dengan Singapura. Tetapi oleh sebab tapak pembinaan jambatan itu tidak meyakinkan, rancangan ini terpaksa dibatalkan. Perbezaan perubahan paras air pasang surut antara 14.5 m hingga 21.54 m memerlukan satu rintangan terbuka untuk disesuaikan dengan perubahan paras air. Dengan rintangan terbuka ini bermakna pembinaan sebuah jambatan akan memerlukan perbelanjaan yang lebih banyak berbanding dengan pembinaan sebuah tambak. Akhirnya Pengarah Jabatan Kerjaraya Negeri-negeri Bersekutu, Mr. W. Eyre



Kenny mengemukakan cadangan bagi pembinaan tambak Johor. Tambak batu ini yang berukuran 1066.15 m panjang dan 18.46 m lebar mengandungi tambakan batu pejal yang dianggarkan berjumlah 46450 m juta kaki persegi. Di atas tambak ini dibina landasan keretapi dua hala dan sebatang jalan raya selebar 8 m untuk kenderaan. Di sebelah kiri dan kanan tambak ini pula, dibina lorong untuk pejalan kaki. Projek pembinaan tambak ini selesai dalam masa lima tahun dengan perbelanjaan sebanyak \$17 juta.

Pada bulan Januari tahun 1942, tentera British telah mengebom tambak ini untuk menahan kemaraan tentera Jepun ke Singapura. Sepanjang 21.54 m daripada bahagian tambak ini telah musnah. Kerosakan ini telah diperbaiki oleh pihak Jepun dua bulan kemudiannya. Hingga hari ini, Tambak Johor masih tetap utuh dan kukuh sebagai nadi perhubungan darat yang terpenting di antara Semenanjung Malaysia dengan Singapura.

## **2.5.1966 PELANCARAN PERKHIDMATAN RADIO KE SEKOLAH-SEKOLAH**

**P**erkhidmatan Siaran ke sekolah-sekolah dilancarkan oleh Radio Malaysia pada 2 Mei 1966. Upacara pelancaran rasminya dilakukan oleh Menteri Pelajaran, Encik Mohd. Khir Johari (Tan Sri sekarang). Dalam ucapan perasmianya, beliau menegaskan tentang pentingnya siaran radio ke sekolah-sekolah untuk menyampaikan pengetahuan yang tidak dapat disampaikan oleh guru-guru.

Siaran ke sekolah-sekolah ini telah dilancarkan dalam empat bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil. Siaran ini disiarkan selama 2 jam dan tiga hari seminggu.

Sebelum ini, siaran ke sekolah-sekolah di Malaysia disiarkan melalui kerjasama Radio Singapura dengan bayaran sebanyak \$300,000 untuk siaran di Semenanjung Tanah Melayu. Memandangkan keperluan Perkhidmatan Pelajaran kepada negara adalah wajar rancangan ini dikendalikan sendiri oleh Radio Malaysia.

Perkhidmatan ini dijangka akan dapat diperluas sehingga meliputi kehendak Sekolah-sekolah Menengah, Maktab Perguruan, Pusat Pengajian Tinggi dan orang ramai.

## **2.6.1963**


### **KEJOHANAN LUMBA BASIKAL ASIA YANG PERTAMA**

**P**ersekutuan Tanah Melayu telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah Kejohanan Lumba Basikal Asia Yang Pertama yang diadakan di Kuala Lumpur.

Kejohanan peringkat antarabangsa ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ketiga, Tuanku Syed Putera Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Upacara pembukaan itu telah disaksikan oleh beribu-ribu penonton termasuklah Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan isterinya, Toh Puan Rahah.

Sebanyak lapan buah negara termasuk Persekutuan Tanah Melayu telah menyertai kejohanan yang berlangsung selama enam hari itu. Negara-negara tersebut ialah Filipina, Hong Kong, Iran, Jepun, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kejohanan yang julung-julung kalinya diadakan itu adalah bertujuan untuk mempererat tali persaudaraan dan memupuk perasaan muhibbah di kalangan berbagai-bagai bangsa di Benua Asia ini.



Di akhir kejohanan itu, Thailand telah muncul sebagai johan dengan memungut 24 mata, mengatasi negara Jepun yang menduduki tempat kedua dengan 19 mata dan diikuti oleh Persekutuan Tanah Melayu 14 mata. Manakala Filipina 11 mata, Iran 10 mata, Singapura 6 mata, Vietnam 2 mata dan akhir sekali Hong Kong yang tidak berjaya mendapatkan sebarang mata.

#### 4.6.1959

### **PEMBUKAAN RASMI MAKTAB PERGURUAN BAHASA**

**M**aktab Perguruan Bahasa di Lembah Pantai telah dibuka dengan rasminya oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhamad.

Upacara pembukaan itu telah diadakan pada 4 Jun 1959. Pada hari itu, kira-kira 500 orang tetamu, termasuk DYMM Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri, Datuk Abd. Razak bin Dato' Hussain, Menteri Pelajaran, Encik Mohd. Khir Johari, diplomat-diplomat asing, pembesar-pembesar negara serta pensyarah-pensyarah dan penuntut-penuntut maktab turut hadir.

Maktab Perguruan Bahasa ini telah ditubuhkan pada bulan Januari tahun 1958. Pada mulanya maktab ini ditempatkan di Bukit Senyum, Johor Bahru.

Maktab yang berharga \$5 juta ini merupakan maktab yang terbesar dan termoden di Tanah Melayu dan satu-satunya maktab yang terpenting bagi mendukung dasar perkembangan Bahasa Melayu yang terkandung dalam Dasar Pelajaran Razak. Kepentingan Bahasa Kebangsaan dan kekurangan guru di negara ini merupakan faktor-

faktor utama yang menyebabkan maktab ini ditubuhkan. Selain itu, maktab ini juga bertujuan melatih guru-guru di Persekutuan Tanah Melayu tentang cara-cara mengajar dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan khasnya, dan bahasa-bahasa lain amnya.

Pengajaran Bahasa Kebangsaan perlu dimajukan dan diberi tempat yang utama dalam usaha menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu padu. Dengan mengeluarkan pendidik-pendidik yang menggunakan perantaraan Bahasa Kebangsaan, semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan murid-murid yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum dapat disemaikan. Ini adalah di antara tanggungjawab-tanggungjawab maktab ini dalam memajukan penggunaan dan perkembangan Bahasa Kebangsaan di negara ini.


Dengan pembinaan maktab ini, Tanah Melayu telah maju setapak lagi dalam lapangan perkembangan bahasa, pelajaran dan pendidikan.

## **12.6.1967 MATAWANG BARU MALAYSIA MULA DIGUNAKAN**

**M**atawang baru Malaysia mula digunakan pada 12 Jun 1967. Inilah pertama kalinya matawang Malaysia yang menggunakan nilai RINGGIT sebagai nilai tukaran antarabangsa. Dalam satu kenyataan di Bilik Gerakan Negara, Menteri Kewangan, Encik Tan Siew Sin (Tun sekarang) memberi jaminan bahawa nilai matawang baru ini tidak berubah harganya dan tetap teguh, baik di dalam mahupun di luar negeri. Yang berubah hanyalah bentuk rupanya sahaja. Keteguhan nilai matawang Malaysia adalah disebabkan oleh kekuatan ekonominya yang termasuk kedudukan wang hasil dalam negeri, dan juga simpanan pertukaran wang luar yang besar. Wang baru ini menukarkan yang lama dengan kadar yang sama, iaitu satu ringgit wang lama berharga satu ringgit wang baru.

Ketibaan matawang baru dari London ini disambut di Port Swettenham dengan kawalan keselamatan yang rapi dan ketat. Wang-wang kertas dan syiling baru ini kemudiannya disimpan di Pejabat Matawang, Bank Negara Malaysia di Batu Tiga, Shah Alam telah dipertanggungjawabkan





Mata Wang Malaysia.

untuk mengedarkannya di seluruh negara mulai hari ini dalam tahun 1967. Wang-wang yang diedarkan untuk digunakan itu adalah dalam bentuk wang kertas yang bernilai \$1, \$5, \$10, dan \$100 dengan tiap-tiap satunya tertera gambar wajah DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama di permukaan sebelah depan; sementara wang syiling 1, 5, 10, dan 50 di permukaan belakang bertatahkan Bangunan Parlimen dan Bulan Bintang berbucu tiga belas.

Kedua-dua wang baru dan lama itu sama-sama digunakan sehinggalah wang lama ditarik balik pengedarannya.

